



كُوْفَرَانِي قَرْمُوْدَ لَمَلَايُوْنِجُوْرِي جُوْهْرَ بَرْهَدَ

KPMNJ

KOPERASI PERMODALAN MELAYU NEGERI JOHOR BERHAD

Ruj. kami : KPMNJ/PTD/UA/01-01
04hb. Jun 2024



MSPO 28122017 CB 06
NO SIJIL : MYMS5194950

**Anggota-anggota Perwakilan
Koperasi Permodalan Melayu Negeri Johor Berhad**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YB Dato'/Datin/Tuan/Puan

NOTIS MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KALI KE-29 KOPERASI PERMODALAN MELAYU NEGERI JOHOR BERHAD (KPMNJ)

Dengan hormatnya kami merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke Dua Puluh Sembilan (29) Koperasi Permodalan Melayu Negeri Johor Berhad akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat sebagaimana berikut :-

Tarikh : 29hb. Jun 2024 (Sabtu) bersamaan 22 Zulhijjah 1445H
Masa : 8.00 pagi
Tempat : Matahari Ballroom , Level 6
Prime City Hotel
No. 20, Jalan Bakawali
86000 Kluang, Johor
Pakaian : Baju Batik lengkap bersongkok (bagi lelaki)
Baju Kurung Batik (bagi wanita)

3. Sehubungan dengan itu, tuan/puan sebagai Anggota Perwakilan yang telah dipilih (mewakili 50 anggota lain) hendaklah hadir bagi menunaikan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada tuan/puan. **Elaun kehadiran akan diberikan kepada Anggota-anggota Perwakilan yang hadir sahaja dan hanya boleh dituntut selepas selesai Mesyuarat Agung Perwakilan. Pendaftaran kehadiran dibuka sehingga jam 10.30 pagi.**

4. Turut diingatkan agar hanya perwakilan sahaja yang dibenarkan memasuki dewan mesyuarat. **Kanak-kanak dan bukan perwakilan tidak dibenarkan** sama sekali mengikuti atau memasuki dewan mesyuarat.

5. Sila sahkan kehadiran tuan/puan melalui Portal Semakan Ke Mesyuarat Agung Perwakilan 2024 (<https://tinyurl.com/semakan-mapkpmnj2024>) atau *WhatsApp* ke Bahagian Keanggotaan di talian +60197752050 selewat-lewatnya pada **26hb. Jun 2024.**

6. **Buku 1 dan Buku 2 Mesyuarat Agung Perwakilan 2024** boleh dimuat turun juga melalui Portal Semakan Ke Mesyuarat Agung Perwakilan 2024 bermula **16hb Jun 2024.**

7. Usul-usul secara bertulis yang ingin dikemukakan hendaklah sampai kepada Setiausaha KPMNJ melalui emel kpmnj@melayujohor.com sebelum atau pada **23hb Jun 2024.**

8. Kehadiran tuan/puan sebagai Anggota Perwakilan sangat dihargai dan diucapkan terima kasih.

TEGUH . DINAMIK . PRIHATIN

Dengan Arahan Lembaga,
KOPERASI PERMODALAN MELAYU NEGERI JOHOR BERHAD



HAJAH RABEAH BINTI SHAIKH MOHAMED
Setiausaha

HRSM/MRH/h..